

# Semua mangsa banjir pulang

KOTA BHARU 9 Jan. - Banjir yang melanda Kelantan sejak kelmarin pulih sepenuhnya dengan kesemua 211 mangsa banjir di dua jajahan pulang ke rumah masing-masing tengah hari ini.

Bacaan paras air di dua sungai utama negeri ini, Sungai Kelantan dan Sungai Golok turut menunjukkan penurunan berbanding semalam.

Menurut jurucakap bilik gerakan banjir negeri, mangsa-mangsa banjir mula dibenarkan pulang secara berperingkat setelah air mulai surut di kampung-kampung terlibat.

Katanya, di Tanah Merah, mangsa yang terakhir pulang ialah seramai tujuh orang yang sebelum ini ditempatkan di pusat perpindahan Dewan Serbaguna Kampung Padang Kijang.

"Seramai 12 mangsa lagi adalah di jajahan Kuala Krai melibatkan pusat perpindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Banggol Guchil," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, tambah jurucakap itu, cuaca yang baik tanpa hujan sejak malam tadi menyebabkan paras air di semua sungai utama kekal pada paras waspada.

Katanya, bacaan Sungai Kelantan di Kusial, Tanah Merah yang melepasi paras bahaya semalam juga surut kepada paras waspada iaitu 14.8 meter.

"Cuma bacaan paras air Sungai Golok di Rantau Panjang sahaja menghampiri paras bahaya pada 8.9 meter (paras bahaya 9 meter)," jelasnya.

Dalam pada itu, jalan utama ke Pantai Cahaya Bulan yang ditutup kepada kenderaan ringan di Kampung Tikat berikutan limpahan air Sungai Kelantan semalam, mula dibenarkan dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Keadaan cuaca di Kelantan hari ini keseluruhannya mendung dan sesekali hujan renyai serta disusuli angin kencang.

um 10/01/07